

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN
(BANDAR KUCHING)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.03.2014

Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI**

KEWANGAN menyatakan apakah syarat-syarat terperinci mengenai pinjaman *off-shore* sejumlah US\$1.6 billion yang dipinjam oleh Kerajaan Negeri Sarawak melalui syarikat-syarikat subsidiarinya yang pinjaman itu diuruskan melalui bank-bank *off-shore* Labuan dalam tahun 2011 dan 2012. Apakah pengurusan dan penggunaan wang pinjaman itu diselia oleh Audit Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Sarawak pernah menerbitkan bon berjumlah USD1.6 bilion melalui Equisar International Incorporated bernilai USD800 juta dan SSG Resources Ltd 2012 bernilai USD800 juta. Kedua-dua syarikat tersebut adalah Syarikat Tujuan Khusus (*Special Purpose Vehicle*) yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990. Terbitan bon tersebut diuruskan dan diketuai oleh Goldman Sachs sebagai pengurus dan "*bookrunner*".

2. Bon-bon tersebut telah disenaraikan di Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan (*Labuan International Financial Exchange - LFX*) dan pekiling tawaran sekuriti juga turut dipaparkan dalam laman web LFX untuk pihak awam.

3. Mengikut pekiling tawaran sekuriti, hasil perolehan dana dari terbitan bon itu digunakan untuk membiayai projek-projek Kerajaan Negeri Sarawak iaitu:

- a. pelaburan dalam projek strategik di *Sarawak Corridor of Renewable Energy* ("*SCORE*");
- b. pelaburan dalam projek pembangunan strategik di Tanjung Manis Halal Hub;

dan

c. pelaburan dalam pembangunan Sektor Biotek.

4. Untuk makluman Yang Berhormat, pekeliling tawaran sekuriti menjelaskan secara terperinci tujuan terbitan bon tersebut. Oleh yang demikian Yang Berhormat boleh menyemak dengan melayari laman sesawang LFX.

5. Mengenai pengurusan dana, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) sentiasa memantau aktiviti-aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh syarikat-syarikat Labuan termasuk institusi kewangan agar tahap pematuhan adalah baik serta mematuhi piawaian dan amalan berhemah antarabangsa. Dalam pada itu, Jabatan Audit Negara juga turut memantau pengurusan dan penggunaan wang pinjaman oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Ini adalah penting bagi memastikan perniagaan yang disalurkan menerusi Pusat Kewangan dan Perniagaan Labuan adalah sah dan bersih.